

29 MAY 1999

Mahathir-Budaya

PEMBANGKANG SEBAR BUDAYA "JANGAN BERTERIMA KASIH"

Oleh Khaidzir Yunus

NAGOYA, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata budaya "jangan berterima kasih kepada kerajaan" sedang disebar oleh pembangkang supaya rakyat tidak merasa terhutang budi langsung kepada kerajaan.

Perdana Menteri berkata pembangkang menghasut rakyat supaya "menggigit tangan yang menyuap mereka."

"Jangan langsung merasa terhutang budi kepada kerajaan, sebaliknya dalam ceramah-ceramah mereka sekarang, maki-hamun dan mencarut diizinkan," katanya pada perjumpaan dengan para penuntut Malaysia di sini, hari ini.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan tujuh hari ke Jepun, memulakan lawatannya ke bandar raya pelabuhan ini sebelum berlepas ke Tokyo pada Rabu ini.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat terutama penuntut tidak terpengaruh dengan dakwah seumpama itu.

"Sekarang PAS cuba mengajar kita supaya tidak perlu berterima kasih kepada kerajaan...kita perlu bersyukur kepada Tuhan sahaja," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata mereka perlu sedar bahawa berdoa semata-mata tidak mencukupi jika tidak disertakan dengan usaha.

Sehubungan itu, beliau meminta para penuntut supaya menginsafi bahawa tidak banyak negara membangun lain yang dapat memberikan mereka peluang belajar hingga ke luar negeri dengan tajaan kerajaan.

Perdana Menteri berkata oleh kerana itu, kerajaan akan terus memberikan pendidikan, latihan dan kecekapan kepada rakyatnya terutama dalam menghadapi pelbagai cabaran alaf baru.

"Jika tidak...kita akan miskin dan mengemis meminta bantuan orang lain dan apabila kita meminta bantuan orang, kita akan dikenakan pelbagai syarat mereka dan diperhambakan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata ramai penuntut negara kini bersikap anti-kerajaan dan mereka dipergunakan oleh pembangkang untuk kempen pilihan rayanya.

"Mereka (para penuntut) sudah diberitahu supaya balik ke kampung dan menyebarkan dakwah-dakwah (pembangkang) ini," katanya.

Beliau berkata dalam masa yang sama, media asing yang sememangnya sentiasa berniat jahat, mengambil kesempatan daripada keadaan itu dengan cuba menjatuhkan kerajaan yang ada dan menaikkan pemimpin yang disayangi Barat.

Media asing itu berpendapat untuk menjatuhkan kerajaan yang ada, mereka perlu memecahkan perpaduan orang Melayu, yang merupakan tulang belakang kepada pemerintahan negara.

"Kalau mereka tak boleh pecahkan perpaduan orang Melayu, mereka tidak akan dapat menguasai politik dan ekonomi kita," katanya.

Berikutan itu, media asing menggunakan isu pemecatan dan perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memecahkan perpaduan orang Melayu supaya Umno berpecah-belah dan kalah dalam pilihan raya, katanya.

"Dan apabila Umno kalah, kerajaan Malaysia akan menjadi kerajaan yang lemah dan akhirnya terpaksa tunduk kepada Barat," kata Dr Mahathir yang berpendapat niat jahat Barat itu bukan sahaja melalui medianya malahan terdapat dalam filem keluaran mereka.

Perdana Menteri memberikan contoh filem "Entrapment" keluaran syarikat produksi Barat, yang sebahagian penggambarannya dilakukan di Malaysia,

secara tidak langsung cuba menyelitkan mesej tertentu.

Menurutnya dalam satu adegan filem itu, pemegang peranan utamanya Sean Connery digambarkan menaiki bot menyusuri sebatang sungai yang ditebingnya terdapat banyak rumah setinggan buruk dan berlatarbelakangkan menara berkembar KLCC.

"Sungai itu sebenarnya di Melaka dan gambar menara KLCC ditempelkan seolah-olah menggambarkan negara kita walaupun miskin masih membuat bangunan tinggi (yang tertinggi di dunia)," katanya.

Dr Mahathir turut mengambil kesempatan untuk menjelaskan isu-isu semasa tanah air kepada para penuntut Malaysia di bandar raya ini selain mengadakan sesi dialog dengan mereka.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Duta Besar Malaysia ke Jepun Tan Sri Haji Muhammad Khatib.

-- BERNAMA

KHY NAK